

NO. KAD PENGENALAN :

							-							
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA : TINGKATAN :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SELANGOR****PENILAIAN INTERVENSI TERBILANG AKADEMIK SELANGOR (PINTAS) 2026
PERNIAGAAN TINGKATAN 5****Kertas 1****1 jam 15 minit****3766/1****JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis no. kad pengenalan, angka giliran, nama dan tingkatan pada kertas jawapan anda.*
2. *Kertas soalan ini mengandungi satu bahagian yang terdiri daripada 40 soalan.*
3. *Jawab semua soalan. Baca arahan bagi setiap soalan dengan teliti.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

1 Organisasi yang manakah bukan bermotifkan untung?

- A Aman Fisio
- B Ayob Khan Resources
- C Megah Holding Berhad
- D Rumah Anak Yatim Sinar Murni

2 Maklumat berikut berkaitan sebuah perniagaan.

Butik Ulya adalah sebuah butik yang mengeluarkan pelbagai fesyen pakaian wanita di Bangi, Selangor. Butik ini mempunyai pelanggan dari seluruh negara kerana menceburi perniagaan dalam talian.

Apakah klasifikasi perniagaan tersebut?


	Sektor	Skala
A	Sekunder	Tempatan
B	Sekunder	Kebangsaan
C	Tertier	Negeri
D	Tertier	Kebangsaan

3 Situasi manakah berkaitan dengan perkembangan aktiviti perniagaan menjelang Abad ke-21?

- A Cikgu Fauzi mengajar di sebuah sekolah antarabangsa
- B Syarikat Wong Sdn. Bhd. terlibat dalam projek pembinaan kapal
- C Pakcik Riduan menggunakan pukat dan bot kecil untuk menangkap ikan
- D Syarikat D&A merupakan pengeluar utama pengilangan barangan elektrik



4 Rajah 1 berkaitan dengan perkaitan perniagaan.



Rajah 1

Berdasarkan rajah, pilih pernyataan yang betul.

- I Sektor utama adalah untuk memenuhi pasaran antarabangsa sahaja
- II Perniagaan bersaiz kecil boleh menembusi pasaran antarabangsa
- III Perniagaan milikan tunggal sesuai untuk perniagaan bersaiz kecil
- IV Perniagaan perlu memilih untuk menawarkan barang atau perkhidmatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5 Pernyataan manakah yang tepat tentang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)?

- A Membentuk syarikat berkepentingan
- B Menjalankan pentadbiran bawah Enakmen Negeri
- C Memainkan peranan untuk melatih para peniaga tempatan
- D Memastikan kawasan pentadbirannya dalam keadaan selamat

6 Apakah maksud trend persekitaran perniagaan?

- A Arah aliran perkembangan sesuatu perniagaan
- B Operasi perniagaan semakin meningkat
- C Prestasi perniagaan semakin menurun
- D Keadaan konsisten dalam perniagaan

7 Antara yang berikut, manakah faktor luaran yang mempengaruhi trend persekitaran perniagaan?

- I Sumber manusia
- II Pemasaran
- III Undang- undang
- IV Sosiobudaya

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Apakah maksud visi?

- A Perancangan jangka masa panjang
- B Ketetapan untuk mencapai matlamat
- C Pembentukan maklumat lebih khusus
- D Sasaran mencapai tujuan organisasi

9 Pernyataan berikut berkaitan dengan faktor yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan.

Restoran Ketam Merah sentiasa dipenuhi dengan pelanggan daripada pelbagai kaum. Hal ini kerana restoran ini mempunyai tenaga kerja yang mahir dalam pelbagai bahasa dan diberikan imbuhan gaji yang kompetitif.

Apakah faktor dalaman tersebut?

A	Sosiobudaya	Ekonomi
B	Kewangan	Sosiobudaya
C	Sumber manusia	Kewangan
D	Ekonomi	Sumber manusia

10 Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Percetakan Alisa gagal mencapai sasaran jualan tahunan sebanyak 30% disebabkan oleh kemunculan teknologi media digital dan peningkatan kos bahan mentah. Kegagalan ini telah menjejaskan kedudukan kewangan syarikat secara serius.

Antara yang berikut, manakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak syarikat untuk mengatasi kegagalan tersebut?

- I Meningkatkan produktiviti pekerja melalui program latihan
- II Menurunkan kos pengeluaran dengan mengurangkan kualiti produk
- III Menukar gaya pengurusan perniagaan yang berasaskan teknologi digital
- IV Menyemak semula objektif agar lebih realistik dengan keadaan pasaran

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

11 Maklumat berikut menunjukkan syer pasaran bagi tiga buah syarikat pengeluar kasut sukan pada tahun 2025.

Nama Syarikat	Syer Pasaran (%)
Syarikat Nadi	50%
Syarikat Adira	30%
Syarikat Spektra	20%

Pernyataan manakah yang paling tepat menggambarkan pencapaian Syarikat Nadi?

- A Menjadi pemimpin pasaran dalam industri
- B Gagal mencapai sasaran jualan kerana persaingan sengit
- C Menguasai saiz pasaran yang paling kecil berbanding pesaing
- D Mengalami kerugian bersih sebanyak 50% pada tahun tersebut

12 Maklumat berikut berkaitan peranan dalam satu bahagian fungsian perniagaan.

- Menjalankan penyelidikan untuk mendapatkan sumber yang kompetitif.
- Memastikan jumlah stok bahan mentah sentiasa berada pada tahap optimum.

Apakah bahagian fungsian tersebut?

- A Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)
- B Pengeluaran
- C Pembelian
- D Pemasaran



13 Antara yang berikut, situasi manakah menerangkan interaksi peniaga dengan pembekal?


- I Mawi Enterprise mudah mendapat kelulusan perniagaan
- II Kedai Muthu mendapat harga barang yang murah
- III Amzar Trading menghantar bekalan barang dengan cepat
- IV Perniagaan Sue Ann memperoleh bantuan pembiayaan kewangan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Gambar 1 dan 2 berkaitan interaksi dan perkaitan antara bahagian fungsian dalam dua buah perniagaan.



Gambar 1




Gambar 2

Bahagian fungsian manakah yang terlibat dalam interaksi tersebut?

- A Jualan
- B Kewangan
- C Pembelian
- D Pemasaran

15 Rajah 1 menunjukkan sebahagian langkah-langkah pembangunan produk baharu



Rajah 1

Apakah P?

- A Komersialisasi
- B Ujian Pemasaran
- C Penyaringan idea
- D Analisis perniagaan

16 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan pengurusan sumber manusia dalam sesebuah perniagaan.

Q	• Penamatan kontrak perkhidmatan • Diberikan ganjaran atau pampasan
---	---

Apakah Q?

- A Prestasi pasukan
- B Pemantapan budaya profesional
- C Pemberian insentif yang munasabah
- D Pemberhentian pekerja

17 Gambar 3 berkaitan dengan iklan jawatan kosong di sebuah syarikat percetakan.

**JAWATAN KOSONG
PEREKA GRAFIK**
Kami Mencari Anda Yang Kreatif & Berbakat!

HANTAR RESUME & PORTFOLIO KE:
✉ E-mail: hire@creativevision.com.my
☎ Tel: 03-9876453
TARIKH TUTUP: 31 Mac 2026

TUGAS ANDA:

- ✓ Mereka Poster & Bahan Media Sosial
- ✓ Hasilkan Konsep Kreatif Pemasaran
- ✓ Edit Grafik & Visual Promosi
- ✓ Bekerjasama Dengan Team

Lokasi: Shah Alam, Selangor
Status: Sepenuh Masa
Gaji: RM2,500 - RM3,500 mengikut pengalaman

KELAYAKAN:

- ✓ Diploma / Ijazah Reka Bentuk Grafik
- ✓ Mahir Adobe Photoshop & Illustrator Canva
- ✓ Berpengalaman Dalam Bidang

Gambar 3


Antara yang berikut, manakah merupakan kemahiran keboleherjaan yang perlu dimiliki oleh calon yang memohon?

- I Boleh bekerjasama dengan rakan sekerja
- II Berpengalaman dalam bidang teknologi maklumat
- III Memiliki Diploma atau Ijazah Reka Bentuk Grafik
- IV Boleh bekerja sepenuh masa

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



18 Maklumat berikut berkaitan dengan struktur organisasi dalam sesebuah perniagaan.



Apakah R?

- A Matriks
- B Fungsi
- C Produk
- D Pelanggan

19 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem penggajian sesebuah perniagaan.

Puan Qaisara memperoleh bayaran tambahan dari majikannya kerana menjawat jawatan Pengurus Kewangan.

Apakah jenis bayaran tambahan tersebut?

- A Bonus
- B Elaun
- C Gaji
- D Upah

20 Pernyataan manakah berkaitan dengan prosedur mengurus sumber fizikal?

- A Mendaftar paten bagi suatu reka cipta yang belum dizahirkan oleh mana-mana syarikat
- B Memohon Hak Cipta Terpelihara bagi ekspresi idea yang dihasilkan
- C Menjalani latihan pembangunan kemahiran untuk meningkatkan produktiviti
- D Memastikan semua mesin memenuhi piawaian keselamatan yang ditetapkan

21 Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur pengurusan sumber sesebuah organisasi perniagaan.

Sebuah syarikat minuman ringan mempunyai kilang dan mesin pembotolan berteknologi tinggi. Pihak pengurusan menyediakan jadual penyelenggaraan secara berkala bagi melancarkan pengeluaran.

Apakah sumber berkenaan?

- A Teknologi
- B Fizikal
- C Manusia
- D Kewangan

22 Maklumat berikut berkaitan dengan dua buah syarikat berbeza

Syarikat Biskut Ranggup Suria	Syarikat Servis Motor Izhar
Berasaskan Produk	Berasaskan Perkhidmatan

Antara yang berikut, manakah merupakan sumber fizikal bagi kedua-dua syarikat tersebut?

- I Bahan mentah seperti tepung dan mentega
- II Stok tayar dan alat menukar tayar
- III Penyelenggaraan mesin dan peralatan bengkel
- IV Perlindungan insurans terhadap risiko kecurian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


23 Maklumat berikut berkaitan dengan situasi yang dihadapi oleh sebuah organisasi perniagaan.

Syarikat Vivi Media merupakan sebuah syarikat yang menghasilkan filem dan dokumentari. Syarikat menghadapi cabaran apabila karya yang didaftarkan hak cipta terpelihara telah dimuat naik secara haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menjejaskan pendapatan syarikat.

Langkah yang manakah paling berkesan untuk mengatasi isu tersebut?

- A Menambah bilangan pekerja mahir untuk mengendalikan kamera berteknologi tinggi
- B Meningkatkan kekerapan penyelenggaraan bilik suntingan bagi menjamin kualiti video
- C Menyewa bangunan yang lebih besar untuk menempatkan peralatan komputer yang canggih
- D Mengambil tindakan undang-undang terhadap penyalahgunaan tanpa kebenaran

24 Rajah 2 berkaitan jenis sumber pembiayaan.



Rajah 2

Apakah jenis sumber pembiayaan tersebut?

- A Dalam
- B Luaran
- C Perbankan
- D Agensi kerajaan

25 Gambar 4 merujuk pada perbualan antara Mak Semah dengan anaknya Khadijah.




Gambar 4

Apakah agensi yang dimaksudkan oleh Khadijah?

- A Syarikat Jaminan Kredit Malaysia (CGC)
- B Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
- C Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)
- D Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

26 Rajah 3 merupakan prosedur mendapatkan sumber pembiayaan daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) bagi Sinar Enterprise di Hulu Selangor.



Rajah 3

Antara yang berikut, yang manakah diperlukan di X?

- I Salinan kad pengenalan
- II Salinan lesen perniagaan
- III Salinan pasport
- IV Rekod jualan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



27 Apakah contoh kos berubah?

- A Sewa kilang
- B Premium insurans
- C Bayaran bahan mentah
- D Harga jentera

28 Antara yang berikut, yang manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak-pihak tertentu dalam perniagaan?

	Pihak berkepentingan	Kepentingan
I	Pemilik	Mengetahui keberuntungan perniagaan
II	Pengurusan	Panduan untuk perancangan mengagihkan sumber dengan berkesan
III	Pembiaya	Menentukan jumlah dividen yang perlu dibayar kepada perniagaan
IV	Pekerja	Asas sebagai tuntutan untuk mendapatkan rizab

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

29 Mengapakah penyata pendapatan penting kepada usahawan?

- A Menunjukkan tahap minimum jualan perniagaan
- B Mengetahui hutang perniagaan kepada pihak luar
- C Mengenal pasti ekuiti pemilik daripada kegiatan perniagaan
- D Meramal pencapaian prestasi perniagaan pada masa hadapan

30 Maklumat berikut diperolehi daripada Kunci Kira-kira perniagaan Rimba Enterprise.

Butiran	RM
Bank	100 000
Pemiutang	30 000
Penghutang	20 000
Inventori Akhir	60 000
Kenderaan	90 000

Berapakah nilai Nisbah Semasa?

- A 4 : 1
- B 5 : 1
- C 6 : 1
- D 9 : 1

31 Maklumat berikut berkaitan dengan kecekapan sesebuah perniagaan.

Jenis Nisbah	Tahun	
	2023	2024
Peratus pulangan atas modal	6.3%	4.2%

Pernyataan yang manakah berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Pengurusan operasi yang berkesan pada tahun 2023
- B Perniagaan bijak menguruskan kewangan pada tahun 2024
- C Perniagaan kurang cekap dalam membuat pelaburan pada tahun 2024
- D Untung kasar perniagaan tahun 2023 berkurangan berbanding tahun 2024

32 Situasi manakah yang menunjukkan kelebihan menjadi usahawan kepada negara?

- A Dato' Ahmad mewariskan perniagaan kepada cucunya
- B Khairul Mart menawarkan pelbagai barangan keperluan harian
- C Siti menjadikan perniagaan nasi lemak sebagai sumber pendapatan
- D Ramly Food Processing memperkenalkan produk tempatan ke pasaran luar

33 Maklumat berikut berkaitan dengan Encik Hafizudin.

Encik Hafizudin membuka kedai menjual alatan memancing berdekatan kolam memancing ikan air tawar di kawasan kampung daerah Hulu Langat.

Apakah faktor pemilihan lokasi perniagaan tersebut?

- A Terdapat kemudahan infrastruktur
- B Berhampiran dengan pelanggan
- C Tempat tumpuan ramai
- D Mudah dikunjungi

34 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya kepada objektif perniagaan?

- I Menyara kehidupan keluarga
- II Menyediakan peluang pekerjaan
- III Memenuhi keperluan dan kehendak
- IV Memantapkan imej perniagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV




35 Situasi berikut berkaitan Encik Zulfika, peniaga ayam gunting.

Encik Zulfika ingin menjalankan perniagaan menjual ayam gunting di pasar malam Seri Kembangan. Beliau sudah mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Namun begitu, beliau perlu membuat permohonan berniaga di tapak pasar malam kepada Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ).

Mengapakah Encik Zulfika perlu membuat permohonan tersebut?

- A Mengurangkan kos operasi perniagaan
 - B Mengelakkan persaingan dengan peniaga lain
 - C Mendapatkan pinjaman daripada agensi kerajaan
 - D Mendapatkan permit daripada pihak berkuasa tempatan
- 36 Apakah tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh Ahmad Jaya Enterprise selepas menubuhkan perniagaan?
- A Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam tempoh 20 hari
 - B Menamatkan pendaftaran perniagaan dalam tempoh 15 hari
 - C Meletakkan nama perniagaan pada dokumen rasmi
 - D Mempamerkan harga jualan barangan dengan jelas
- 37 Rajah 4 berkaitan dengan Syarikat Ruyong Sdn. Bhd. yang sedang merancang strategi pemasaran produk.



Rajah 4

Apakah campuran pemasaran yang akan dilaksanakan?

- A Produk
- B Harga
- C Promosi
- D Agihan

38 Petikan Penyata Aliran tersebut berkaitan dengan Restoran Lembayung.

Restoran Lembayung	
<u>Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Julai 2026</u>	
Butiran	RM
Baki b/b	X
Penerimaan:	
Jualan	5 000 000
Jumlah penerimaan	5 000 000
Pembayaran:	
Belian	3 000 000
Gaji	300 000
Sewa	60 000
Akaun Belum Bayar	100 000
Utiliti	100 000
Pelbagai	50 000
Jumlah pembayaran	Y
Lebihan	Z
Baki h/b	1 890 000


Berapakah nilai X?

- A RM5 000 000
- B RM3 610 000
- C RM1 390 000
- D RM500 000

39 Mengapakah rancangan perniagaan penting kepada usahawan?

- A Memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat
- B Merancang keperluan sumber perniagaan
- C Memastikan tiada risiko yang akan berlaku
- D Menjadikan projek yang dirancang tiada pesaing

40 Rajah 5 menunjukkan maklumat yang terdapat dalam satu bahagian rancangan perniagaan.



Rajah 5

Apakah bahagian tersebut?

- A Pengenalan
- B Rancangan operasi
- C Ringkasan eksekutif
- D Rancangan pentadbiran

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

